

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, SPNB ialah Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan bagi menyediakan Rumah Mesra Rakyat 1 Malaysia (RMR1M). Program ini diwujudkan bagi membantu golongan berpendapatan rendah seperti nelayan, petani dan keluarga miskin yang tidak mempunyai rumah atau tinggal di rumah usang (daif) tetapi mempunyai tanah untuk mendirikan rumah sendiri yang sempurna dan selesa. Pelaksanaan program RMR1M ini sebahagiannya dibiayai melalui subsidi Kerajaan, iaitu pada kadar RM20,000 seunit. Reka bentuk yang ditawarkan adalah menarik berkonsepkan rumah sesebuah berkeluasan 1,000 kaki persegi dengan komposisi tiga bilik tidur dan dua bilik air.

Merujuk kepada soalan Yang Berhormat Bintulu, PBLT berupaya menyiapkan sebanyak 892 unit RMR1M di negeri Sarawak amnya dan 20 unit di kawasan Bintulu khususnya, menggunakan subsidi yang disalurkan oleh Kerajaan dari tahun 2002 sehingga 2013. Manakala terdapat sebanyak 120 unit yang masih dalam pembinaan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, terdapat sebanyak 123 permohonan RMR1M dari Bintulu yang kini di dalam proses penilaian berdasarkan saringan yang diterima daripada pihak Perbadanan Pembangunan Perumahan Negeri Sarawak (HDC). Unit-unit RMR1M ini (sekiranya layak) akan dibina menggunakan peruntukan subsidi 2015.